



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
ARAS 6 - 10, BLOK C7, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62520 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8885 6000
Fax : 03-8888 5036

Ruj. Tuan: SPA.UJ2704/01(2)

Ruj. Kami:

28 Disember 2006

Tarikh:

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia
Blok B8
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Abd. Karim bin Haji Husain)

**PERMOHONAN JAWATAN (KONTRAK) UNTUK PUSAT-PUSAT PERMATA
NEGARA (PPN) YANG DITUBUHKAN SEBAGAI PROJEK PERINTIS DI
BAWAH OS29000**

Saya dengan hormatnya merujuk surat tuan Bil. PM(S)24216/1 bertarikh 27
November 2006 mengenai perkara tersebut di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Mesyuaratnya yang ke - 2340 pada 11 Disember 2006 telah bersetuju mewakili kuasa pelantikan secara kontrak 52 calon sebagai Pengurus Perkhidmatan Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA Gred 27 disandarkan kepada jawatan Gred N27 dan 26 calon sebagai Penolong Pengurus Perkhidmatan Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA Gred 17 disandarkan kepada jawatan Gred N17 di Pusat-Pusat Permata Negara (PPN), Jabatan Perdana Menteri kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri bagi urusan dari peringkat iklan sehingga ke peringkat temu duga. Bagi maksud lantikan, calon-calon hendaklah diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk persetujuan dan urusan pelantikan.

3. Sukalah diingatkan agar calon-calon yang dipilih hendaklah memenuhi semua syarat skim jawatan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ANOM AKMAR BINTI MOHD. OMAR)
Bahagian Pengambilan,
b.p. Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
MALAYSIA.

s.k.:

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YAB Timbalan Perdana Menteri
Aras 4, Blok Barat
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
(u.p.: Encik Wan Othman bin Wat Mat Ali)

Ketua Sekretariat
Sekretariat Pendidikan Awak Kanak-Kanak (PERMATA)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
(u.p.: Y. Bhg. Datin Norasmah binti Samsudin)

DIBAYAR TALKAN
(Kepuasan Suruhanjaya bertarikh 25 November 2024)